

Dana tambahan untuk pemilik bangunan sedia kemudahan bebas halangan

AZHAR MOHD
azahar@sph.com.sg

PEMILIK bangunan kini boleh memanfaatkan dana tambahan untuk menyediakan kemudahan bebas halangan bagi bangunan mereka.

Mereka boleh memanfaatkan sehingga 80 peratus pembiayaan sokongan atau maksimum \$300,000 bagi setiap bangunan bagi menyediakan kemudahan seperti pembinaan tanjakan, laluan yang bebas tangga dan kemudahan lif yang lebih mesra bagi warga tua dan mereka yang berkerusi roda.

Setiausaha Parlimen (Pembangunan Negara), Dr Mohamad Maliki Osman, mengumumkan dana tambahan itu sewaktu merasmikan Seminar Penguasa Binaan dan Bangunan (BCA) di Akademi BCA pagi semalam.

BCA kini menyediakan Dana Bebas Halangan bernilai \$40 juta bagi membantu pemilik rumah menyediakan ciri-ciri asas bebas halangan – dengan pembiayaan sehingga 40 peratus atau maksimum \$150,000.

Selain menambah pembiayaan sehingga 80 peratus, dana itu juga boleh menampung sehingga 40 peratus bagi ciri-ciri bebas halangan tambahan seperti menghubungkan bilik air di tingkat atas, menyediakan tanjakan di tingkat tinggi dan peningkatan lif.

Skim itu akan dibuka kepada semua bangunan swasta kecuali hartanah kediaman.

Sejak diperkenalkan pada 1 April 2007, Dana Bebas Halangan itu telah menerima permohonan daripada 19 pemilik bangunan.

Antara projek itu termasuk Paradiz Centre di Selegie Road, OG@ Orchard Point dan Friven & Co di Tanglin.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif BCA, Dr John Keung, usaha menyediakan bangunan yang bebas halangan merupakan antara inisiatif yang sedang giat dijalankan.

“Saya difahamkan bahawa jurubina bagi projek-projek mega, seperti Resort Bersepadu (IR) dan Pusat Kewangan Marina Bay, telah juga mengadakan perbincangan dengan BCA mengenai rekaan bebas halangan dan cara-cara melaksanakannya sebelum mengemukakan pelan bangunan mereka kepada BCA,” ujarnya.

Menurut Dr Keung, projek-projek itu kelak akan memberi manfaat kepada pengguna dan membantu pemilik dan syarikat melaksanakan tanggungjawab sosial mereka.

Dalam majlis semalam, BCA juga melancarkan Lelaman Mesra Sekitaran, www.friendlybuildings.sg, yang mengandungi maklumat mengenai bangunan yang mempunyai kemudahan mesra pengguna.